



Sebahagian kakitangan PKNS melakukan senapan sempena sambutan Hari Wanita anjuran PKNS di Laman Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor di Shah Alam, Mac lalu.

Info
Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2017
 - Diadakan serentak dengan Global Women's Trade Summit dan Dialog TN50.
 - Berlangsung pada 4 dan 5 September.
 - Diadakan di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.

[FOTO HIASAN]

Sumbangan wanita jana ekonomi negara

➔ Tema Hari Wanita Kebangsaan iktiraf sumbangan golongan hawa dalam perniagaan

Oleh **Nor Afzan Mohamad Yusof**
 afzan@bh.com.my
 Kuala Lumpur

Peranan wanita dalam kegiatan ekonomi negara perlu diiktiraf kerana mereka adalah sumber tenaga kerja dan modal insan yang semakin bertambah dari setahun ke setahun. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata sempena Hari Wanita Kebangsaan 2017 disambut hari ini yang bertema *Wanita: Pengubah Ekonomi Global* dilihat bertepatan sejajar dengan peranan golongan itu dalam bidang ekonomi.

Katanya, pengiktirafan dan penghargaan kepada wanita berupaya mengubah dan menyumbang pada ekonomi negara.

Usaha meningkatkan jumlah usahawan wanita berjaya dalam bidang perniagaan itu, sekali gus dapat membantu golongan berkenaan menjana pendapatan.

"Pada masa sama, kerajaan memberi fokus golongan wanita supaya pembahagian mereka dalam program ekonomi, contohnya bidang keusahawanan terus diperkayakan

"Pengetahuan dan kemahiran mengenai selok-belok perniagaan harus diberi perhatian supaya mereka mampu meneroka rangkaian perniagaan yang lebih luas.

"Program pemerkasaan ekonomi, iaitu *Development of Women Entrepreneurship Initiatives (Dewi)*, umpamanya berpeluang meluaskan perniagaan ke peringkat global, melalui program sokongan eksport yang disediakan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)," katanya kepada BH.

Pelbagai acara sempena Hari Wanita Kebangsaan 2017 di Berjaya Times Square pada 4 September ini yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Sambutan Hari Wanita itu turut memuatkan persidangan *Global Women's Trade Summit* dan Sesi Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 (TN50) Bersama Wanita.

Program untuk wanita
 Rohani berkata, kerajaan juga menyediakan ruang lebih luas untuk usahawan wanita mengembangkan perniagaan menerusi program bimbingan dan diberi geran pada mereka yang layak.

"Pelbagai bentuk galakan dan insentif disediakan bagi membo-



Pelbagai bentuk galakan dan insentif disediakan bagi membolehkan ramai wanita menceburi sektor perniagaan dan berdaya saing pada peringkat global."

Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



Penyertaan wanita dalam bidang perniagaan semakin berkembang dan mula mendapat pengiktirafan pelbagai pihak.

lehan ramai wanita menceburi sektor perniagaan dan berdaya saing pada peringkat global," katanya.

Selain itu, antaranya Pelan Tindakan Pembangunan Wanita juga melangkaui isu pembasmian kemiskinan, undang-undang, keganasan terhadap wanita, kesihatan, pendidikan dan latihan, sains dan teknologi, pembuat keputusan, sukan dan kebudayaan, kesenian warisan dan pelbagai lagi.

Katanya, setiap negeri mempunyai pejabat Jabatan Pembangunan Wanita Negeri untuk membolehkan program dan aktiviti membabitkan wanita luar bandar di setiap negeri.

Capai kesaksamaan gender
 Dalam usaha membangunkan persekitaran kerja kondusif, Kementerian turut meletakkan tekad mencapai kesaksamaan gender supaya wanita mendapat peluang dan ruang kerja sama dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk persekitaran serta kerjaya.

"Kita juga memberi perhatian wanita sebagai pembuat dasar, membuat keputusan dalam di sektor awam dan swasta serta mengenal pasti bidang yang kurang diceburi golongan," katanya.

Sempena Hari Wanita, Rohani

berkata pelbagai acara akan diadakan antaranya persidangan *Global Women's Trade Summit* yang menjadi landasan tepat bagi menggalakan wanita melangkah jauh pada peringkat global.

Presiden Persatuan Jaringan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia (WENA), Nadirah Yusof dan Ketua Komunikasi Standard Chartered, Mastura Adnan antara penceramah dijemput membincangkan mengenai isu berkenaan.

Selain itu, sesi Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 (TN50) Perdana Menteri Bersama Wanita bagi mendapatkan pandangan daripada golongan itu mengenai bagaimana membentuk masa depan negara menjelang 2020 hingga 2050.

"Majlis berkenaan dijangka dihadiri kumpulan sasar yang terdiri daripada 1,500 orang antaranya golongan muda dan profesional, serta badan bukan kerajaan (NGO), sukarelawan dan pasukan beruniform.

"Bagi menyemarakkan acara, Kementerian ini turut mengadakan Pertandingan *Winnovation* yang antara lain bertujuan menggalakan wanita menyumbang idea dan inovasi. Pemenang akan diumumkan pada majlis berkenaan," katanya.